



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan  
Selangor

# BULETIN PTAR BIL.2 /2026 FEBRUARI

## UiTM CAWANGAN SELANGOR



# IQRA'

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
UiTM CAWANGAN SELANGOR

## PROGRAM MASTER CLASS BERSAMA MAJID MAJIDI

Tarikh : 4 Februari 2026(16 Syaaban 1447H)  
Lokasi : PTAR, Kampus Puncak Perdana

Program Master Class bersama Majid Majidi anjuran Fakulti Filem, Teater dan Animasi (FITA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Perdana dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Puncak Perdana dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) telah berlangsung dengan jayanya.

Program ini menampilkan pengarah tersohor dari Iran, Majid Majidi yang berkongsi pengalaman beliau, falsafah pengarahannya dan pendekatan penceritaan berteraskan nilai kemanusiaan.

Sesi ini bertujuan memperkukuh wacana sinema global, khususnya sinema Iran serta meningkatkan pemahaman tentang peranan filem sebagai medium perubahan sosial dan pembentukan identiti negara.

Program ini mendapat sambutan menggalakkan daripada penggiat industri, akademik serta para pelajar.

Diharapkan program ini mampu memberi inspirasi kepada golongan muda serta para pembikin filem tempatan untuk menghasilkan karya bertaraf antarabangsa.



## Pemeriksaan Rekod dan Fail UiTM Cawangan Selangor

Tarikh : 9 Februari 2026(21 Syaaban 1447H)  
Lokasi : Bilik Seminar PTAR, Kampus Puncak Alam.



Kursus Pemeriksaan Pengurusan Rekod dan Fail UiTM Cawangan Selangor telah berjaya dilaksanakan .

Program ini bertujuan memberikan pendedahan komprehensif kepada para peserta berkenaan dasar, peraturan serta keperluan perundangan dalam pengurusan rekod, selaras dengan Akta Arkib Negara Malaysia. Selain itu, kursus ini turut menekankan kefahaman terhadap kitaran hayat rekod yang merangkumi proses pewujudan, penyelenggaraan sehingga pelupusan.

Sesi perkongsian ilmu telah disampaikan oleh Puan Siti Fazlina Mohamed Raffi, Timbalan Ketua Pustakawan (M) (KUP), UiTM Cawangan Selangor, yang telah memberikan input bernilai dalam memperkukuh amalan pengurusan rekod dalam kalangan peserta di peringkat organisasi.

Diharapkan inisiatif seumpama ini dapat diteruskan bagi menyokong pelaksanaan pengurusan rekod yang lebih cekap, sistematik dan berintegriti, seterusnya memperkasa tadbir urus organisasi serta memelihara memori institusi UiTM Cawangan Selangor.

# اِقْرَا

I Q R A

## Sinergi Ilmu Berterusan: Penyerahan Bahan 50 tahun Fakulti Sains Maklumat kepada PTAR UiTM Cawangan Selangor

Tarikh : 10 Februari 2026 | 22 Syaaban 1447H  
Lokasi : PTAR UiTM Cawangan Selangor



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Selangor menzahirkan penghargaan atas kesediaan Fakulti Sains Maklumat (FSM) dalam menyerahkan koleksi berharga sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkaya pembangunan Bahan Harta Intelek Universiti.

Pertemuan strategik ini melibatkan barisan pengurusan PTAR UiTM Cawangan Selangor yang diketuai oleh Puan Hani Liza Norfin bersama PM Dr. Norhayati Hussin, Dekan Fakulti Sains Maklumat. Sesi ini menjadi platform penting dalam memperkukuh sinergi serta kerjasama berimpak tinggi antara kedua-dua pihak.

Lawatan kerja ini turut memberi tumpuan kepada usaha memperkasa pemeliharaan khazanah ilmu universiti melalui pemantapan dan peluasan koleksi Repositori Institusi UiTM. Di samping itu, perbincangan turut merangkumi penerokaan potensi pelaksanaan pelbagai inisiatif serta program kolaboratif strategik sepanjang tahun 2026.

# اِقْرَأْ

I Q R A

## Balancing Ai Advancements with Ethical Concerns in Teaching, Learning & Assessments

Tarikh : 11 Februari 2026 bersamaan 23 Syaaban 1447H  
Lokasi : PTAR UiTM Cawangan Selangor



Satu sesi bicara pakar secara siaran langsung telah berjaya dianjurkan bagi membincangkan secara komprehensif implikasi penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam pendidikan tinggi.

Perbincangan ini turut meneliti cabaran yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajar, di samping mengetengahkan strategi serta pendekatan terbaik dalam membangunkan ekosistem pembelajaran yang beretika, inklusif dan berteraskan integriti selaras dengan keperluan era digital masa kini.

Program ini menampilkan Prof. Ts. Dr. Syamsul Nor Azlan Mohamad, Pengarah Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik (BPPA), UiTM sebagai panel jemputan, manakala sesi dikendalikan oleh En. Mohd Zairul Masron, Ketua Media Sosial UiTM selaku moderator. Perkongsian yang disampaikan memberikan perspektif menyeluruh serta panduan praktikal kepada wa

## Program Literasi Maklumat bersama Pelajar Tingkatan Enam Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS)

Tarikh : 11 Februari 2026 bersamaan 23 Syaaban 1447H  
Lokasi : PTAR UiTM Kampus Puncak Alam Cawangan Selangor



PTAR Kampus Puncak Alam telah menerima jemputan daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam bagi menyampaikan sesi Literasi Maklumat kepada para pelajar Tingkatan Enam, Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS).

Seramai 13 orang pelajar terpilih telah menyertai sesi ini yang telah disampaikan dengan penuh dedikasi dan profesionalisme oleh Encik Amir Muhamad Shafie, Pustakawan PTAR Kampus Puncak Alam.

Sesi ini memberikan penekanan terhadap aspek kemahiran pencarian, penilaian serta penggunaan maklumat secara beretika. Diharapkan perkongsian yang disampaikan dapat dimanfaatkan secara optimum serta menjadi pemangkin kepada kecemerlangan akademik dan pembudayaan literasi maklumat dalam kalangan pelajar pada masa hadapan.

# اِقْرَأْ

I Q R A

## Menggapai Berkat, Melakar Kejayaan: Semarak Ramadhan & Pembentangan Akhir Pelajar Latihan Industri

Tarikh : 13 Februari 2026 | 25 Syaaban 1447H

Lokasi : PTAR UiTM Kampus Puncak Alam Cawangan Selangor



PTAR Kampus Puncak Alam telah menganjurkan sesi Bacaan Yaasin dan Tahlil pada bersempena menyambut kehadiran Ramadan Al-Mubarak. Program ini berlangsung dalam suasana yang penuh khusyuk dan harmoni dengan penyertaan warga PTAR Kampus Puncak Alam serta pelajar latihan industri.

Selain itu, satu sesi pembentangan akhir dan penyerahan sijil tamat latihan kepada pelajar latihan industri turut diadakan. Sesi ini memberi peluang kepada pelajar untuk membentangkan pengalaman, kemahiran serta pengetahuan yang diperolehi sepanjang tempoh latihan industri, di samping menjadi platform penilaian terhadap tahap kefahaman dan perkembangan profesional mereka.

Warga PTAR Kampus Puncak Alam merakamkan penghargaan atas komitmen yang ditunjukkan oleh para pelajar serta mendoakan agar mereka terus mencapai kejayaan pada masa hadapan.

# اِقْرَا

I Q R A

## TAKLIMAT KETUA PERPUSTAKAAN UiTM PTAR SUNGAI BULOH, SELAYANG & TELUK INTAN SEMPENA SESI LIBAT URUS BERSAMA PENOLONG REKTOR

Tarikh : 25 Februari 2026 | 7 Ramadan 1447H  
Lokasi : PTAR UiTM Kampus Puncak Alam Cawangan Selangor



Sesi Libat Urus Pejabat Penolong Rektor bersama YBrs Prof Ir Ts Dr Hj Solehuddin Shuib, Penolong Rektor, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan telah dilaksanakan dengan jayanya.

Sesi bermula seawal 2.30 petang dengan pembentangan pelaporan pencapaian warga Pejabat Penolong Rektor, Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan. YBrs Penolong Rektor menzahirkan penghargaan atas kecemerlangan warga kampus sepanjang tahun 2025. Pembentangan Aspirasi 2026 yang diperincikan sempena Bengkel Perancangan Strategik turut diselitkan dalam sesi ini.

Sesi disusuli taklimat daripada Ketua-ketua Unit Pejabat Penolong Rektor. Taklimat ini turut disertai oleh Ketua Perpustakaan UiTM PTAR Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan dalam mempromosikan pembudayaan ilmu, perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan yang telah disediakan. Selain itu, taklimat ini juga dapat meningkatkan kesedaran dan galakan kepada warga kampus untuk meningkatkan budaya membaca dalam mencapai kadar membaca rakyat Malaysia iaitu 24 naskhah setahun.

Tahniah dan Syabas atas komitmen warga kampus sempena sesi libat urus yang berfungsi sebagai medan komunikasi dua hala dalam memperkasa hala tuju 2026. Semoga kebersamaan ini terus memperkukuh sinergi dan kecemerlangan warga kampus.